

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN MOHD AZIS BIN JAMMAN  
(SEPANGGAR)**

**SOALAN**

**TUAN MOHD AZIS BIN JAMMAN [ SEPANGGAR ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan jumlah kos asal dan kos terkini bagi kesemua pakej pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo jajaran Sabah dan jenis peruntukan yang akan digunakan sama ada melalui Danainfra ataupun peruntukan pembangunan tahunan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1 dengan anggaran jarak keseluruhan 706 km dibahagikan kepada 35 pakej kerja. Sehingga kini, 12 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja-kerja pembinaan dengan status kemajuan pembinaan sehingga Oktober 2021 bagi pakej kerja yang telah dimulakan adalah 62%. Surat Setuju Terima (SST) bagi tiga (3) pakej kerja baharu yang melibatkan laluan daripada Sandakan Mile 32 sehingga Sungai Baoto telah dikeluarkan pada September 2021 dan kerja-kerja pembinaan 3 pakej tersebut akan bermula pada tahun ini. Manakala satu (1) pakej kerja baharu yang melibatkan laluan dari Serusup ke Pituru pula telah diperuntukkan di dalam RMKe-12, menjadikan keseluruhan 16 pakej kerja akan dilaksanakan buat masa kini, dengan kos keseluruhan sebanyak RM 10,849 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan komited bagi memastikan kelangsungan pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo. Sehubungan itu Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM2 bilion setiap tahun, di mana RM1 bilion diperuntukkan masing-masing kepada projek LPB Sabah dan LPB Sarawak. Kerajaan juga sedang mengkaji dan meneliti cadangan-cadangan bagi menyegerakan pelaksanaan keseluruhan Fasa 1 LPB Sabah terlebih dahulu, termasuk cadangan melalui kaedah *Private Finance Initiative* (PFI) dan peruntukan DanaInfra. Namun, sebarang kaedah pelaksanaan adalah tertakluk kepada penelitian lanjut bersama Agensi Pusat dan status kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN  
(SEPANGGAR)**

**SOALAN**

**DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN (SEPANGGAR)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rumah mampu milik dan rumah PPR yang akan dibina di Sabah khususnya di Parlimen Sepanggar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang sedang dalam pembinaan bagi seluruh negeri Sabah adalah sebanyak 3,090 unit. Jumlah tersebut adalah termasuk pembinaan 1,000 unit rumah PPR Kiansom, Inanam di Parlimen Sepanggar. PPR ini dijangka akan siap dibina pada Januari 2022.

Di samping itu, Kerajaan komited untuk meneruskan projek perumahan mampu milik di Sabah seperti berikut:

- i. Rumah Mampu Milik (RMM) PR1MA - setakat ini terdapat tiga (3) projek dengan 1,591 unit rumah yang telah siap dibina dan enam (6) projek dengan 3,756 unit rumah dalam pembinaan. Ini menjadikan keseluruhan RMM PR1MA ialah 5,347 unit rumah;
- ii. Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) - setakat ini terdapat tiga (3) projek dengan 1,594 unit rumah yang telah

siap dibina, tiga (3) projek dengan 700 unit rumah dalam pembinaan dan lima (5) projek dengan 834 unit rumah dalam perancangan. Jumlah keseluruhan PPAM ialah 3,128 unit rumah;

- iii. Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) - setakat ini terdapat 1,192 unit rumah yang telah siap dibina, 123 unit dalam pembinaan dan 10 unit dalam perancangan. Keseluruhan RMR SPNB di Sabah ialah 1,325 unit. Khusus di Parlimen Sepanggar, keseluruhan RMR SPNB ialah 18 unit rumah iaitu 17 unit yang telah siap dibina dan sebuah unit dalam pembinaan; dan
- iv. Program Kediaman SPNB (harga di bawah RM300,000) - setakat ini terdapat 9,896 unit rumah yang telah siap dibina, 267 unit rumah dalam pembinaan dan 384 unit rumah dalam perancangan. Jumlah keseluruhan kediaman SPNB ini ialah 10,547 unit rumah. Khusus di Parlimen Sepanggar, sebanyak 1,664 unit Kediaman SPNB telah siap dibina.

Kementerian ini mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat dalam isu bekalan RMM di Sabah. Diharapkan agar program ini akan terus memberi manfaat perumahan kepada rakyat khususnya bagi golongan B40 dan M40.

Sekian,terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN**  
**[ SEPANGGAR ]**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan perancangan jangka pendek dan panjang Kementerian untuk menangani Pendatang Tanpa Izin di Sabah.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini.
2. Berdasarkan rekod oleh JIM Negeri Sabah, bermula 1 Januari 2021 sehingga 25 November 2021, JIM Negeri Sabah telah melaksanakan sebanyak 940 operasi dengan tangkapan seramai 1,776 orang PATI.
3. Sebagai langkah memperkuuh penguatkuasaan dan pemantauan keberadaan PATI, pihak KDN melalui JIM bekerjasama dengan Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) / Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) serta persatuan penduduk untuk menyalurkan maklumat keberadaan PATI dalam menangani masalah PATI secara holistik.
4. Selain itu, pihak KDN dan JIM turut mengambil pendekatan dengan melaksanakan hebahan tindakan penguatkuasaan ke atas PATI, mempromosi dan menggalakkan masyarakat mengemukakan aduan isu PATI kepada Jabatan Imigresen Malaysia melalui media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan *Youtube* (Imigresen TV) serta media massa elektronik.
5. Secara khususnya, Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang dianggotai oleh agensi Kerajaan Persekutuan dan agensi Kerajaan Negeri Sabah turut menjadi

platform perbincangan bagi mengkaji dan membincangkan isu pendatang tanpa izin (PTI) di Sabah. Justeru, perihal pengurusan warga asing di Sabah memerlukan *political will* serta komitmen yang tinggi daripada semua pihak termasuklah pemimpin politik, ketua-ketua masyarakat dan kaum bagi bertujuan mencari kesepakatan untuk menyelesaikan isu yang telah berpanjangan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATO' MOHD NIZAR BIN HAJI ZAKARIA**  
**[PARIT]**

**SOALAN**

**DATO' MOHD NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [PARIT]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah terdapat sebarang kajian yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi melihat tahap pengurusan kewangan rakyat :-

(a)sejauh manakah program literasi kewangan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian berjaya mendidik rakyat dari menjadi mangsa kebangkrapan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat serius dalam menjayakan agenda literasi kewangan rakyat kerana ia merupakan antara kunci utama dalam peningkatan sosio ekonomi rakyat, bagi membina keupayaan rakyat untuk memenuhi tanggungjawab kewangan semasa dan akan datang. Keyakinan dan keupayaan untuk mengurus kewangan sangat diperlukan untuk mencapai dan mengekalkan kualiti hidup yang baik, yang antara lain, dapat menghindarkan rakyat daripada terjebak ke dalam masalah kewangan dan menjadi mangsa kebankrapan. Bagi tujuan ini, Kerajaan menjalankan suatu Kaji Selidik Literasi dan Rangkuman Kewangan secara berkala setiap tiga tahun bagi menilai tahap literasi kewangan rakyat secara telus dan jujur, membuat

perbandingan antara negara, serta diguna pakai untuk mengatur langkah meningkatkan literasi kewangan rakyat.

Kaji selidik ini yang pertama kali dijalankan pada 2015, mendapati tahap literasi kewangan rakyat secara umumnya adalah rendah, terutamanya daripada aspek pengetahuan dan sikap kewangan. Sehubungan itu, Jaringan Pendidikan Kewangan atau Financial Education Network (FEN) telah ditubuhkan pada tahun berikutnya untuk menyelaras dan memacu strategi pendidikan kewangan kebangsaan di Malaysia.

Kajian susulan yang dijalankan pada 2018 mendapati beberapa petunjuk yang memberangsangkan, antaranya jumlah rakyat yang mendapati sukar untuk menyediakan dana kecemasan sebanyak RM1,000 didapati menurun dengan ketara dari 76% pada tahun 2015 kepada 52% pada 2018. Jumlah rakyat yang berasa amat khuatir tidak dapat memenuhi keperluan perbelanjaan sara hidup mereka semasa hari tua juga didapati menurun daripada 33% (2015) kepada 16% (2018). Kita sememangnya berada di landasan yang betul. Walau bagaimanapun, usaha ini masih di peringkat awal memandangkan tahap keseluruhan literasi kewangan rakyat Malaysia masih tidak jauh berbeza berbanding 2015. Sikap majoriti rakyat masih cenderung terhadap kepuasan kewangan jangka pendek dan ‘hidup hanya untuk hari ini’.

Sehubungan itu, FEN telah menggubal Strategi Kebangsaan Literasi Kewangan 2019-2023 (Strategi Kebangsaan), yang kemudiannya dizahirkan sebagai satu daripada keutamaan di dalam Rancangan Malaysia ke-12. Dasar-dasar ini menjadi asas dalam merangka agenda pendidikan kewangan kini, yang membawa perancangan yang lebih rapi bagi memastikan keberkesanan inisiatif yang dijalankan. Sejak pelancaran Strategi Kebangsaan pada Julai 2019, ahli dan rakan kongsi FEN telah bekerjasama dengan Kerajaan, komuniti perniagaan dan sektor pendidikan bagi melaksanakan lebih 400 program dan inisiatif pendidikan kewangan. Usaha ini meliputi spektrum yang luas serta merangkumi pelbagai lapisan rakyat dan telah menyaksikan lebih daripada 47 juta interaksi melalui pelbagai program jangkauan FEN. Keberkesanan inisiatif dipantau di peringkat mikro,

contohnya melalui kaji selidik sebelum dan selepas sesuatu inisiatif dijalankan. Kerjasama strategik juga dijalin dengan ahli akademik, penyedia perkhidmatan kewangan serta penggiat masyarakat, untuk menyebar luas mesej pendidikan kewangan kepada seluruh rakyat Malaysia.

Antara pencapaian utama melalui usaha kolaboratif FEN ini termasuklah penyepaduan elemen pendidikan kewangan ke dalam semua peringkat kurikulum sekolah formal, daripada prasekolah hingga ke peringkat menengah atas. Modul pendidikan kewangan juga telah diperkenalkan sebagai subjek elektif dalam program di beberapa institusi pengajian tinggi. Satu lagi pencapaian penting ialah pembangunan Kompetensi Teras Literasi Kewangan atau Financial Literacy Core Competencies (FLCC) untuk orang dewasa Malaysia bagi memastikan keberkesanannya dan kualiti program pendidikan kewangan.

Pandemik COVID-19 telah memperlihatkan tahap keupayaan rakyat yang rendah dalam berhadapan dengan masalah kewangan, serta tidak yakin untuk mendapatkan bantuan yang disediakan. Sehubungan ini, pihak Bank Negara Malaysia sedang menjalankan Kaji Selidik Literasi dan Rangkuman Kewangan di seluruh negara. Hasil dapatan kajian ini bakal menggambarkan situasi kesejahteraan kewangan rakyat secara keseluruhan dengan lebih jelas di penghujung wabak COVID-19, dan pastinya amat berguna bagi mengatur semula langkah meningkatkan literasi kewangan rakyat dalam menyahut visi RMK-12 ke arah Malaysia yang Makmur, Inklusif dan Mampan.

Sekian, terima kasih.